

14 JUL 2003

Mahathir-Pusat/I

MALAYSIA HARAP UKRAINE SEDIA PUSAT PENGEDARAN MINYAK SAWIT

Oleh: Mohd Kamel Othman

KIEV (Ukraine), 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan harapan Malaysia bahawa Ukraine akan dapat menyediakan satu pusat pengedaran bagi minyak sawit dan produk lain dari Malaysia bagi pasaran Eropah Timur.

Beliau berkata, kedudukan strategik Ukraine di persimpangan Eropah dan Asia menjadikan prospek itu sangat menarik.

Selain itu, beliau berkata Ukraine merupakan pintu gerbang ke negara-negara Asean dan ke seluruh Asia Timur.

"Pada masa yang sama dengan kewujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada 2004, satu pasaran dengan lebih 500 juta orang terbuka kepada anda menerusi Malaysia. Kita merupakan batu loncatan paling logik di rantau bagi Ukraine," kata beliau dalam ucapannya semasa majlis makan malam yang dianjurkan oleh Presiden Ukraine Leonid D. Kuchma di Mariinsskyi Palace di sini, pada Isnin.

Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Dr Mahathir yang berada dalam rangka lawatan rasmi selama empat hari ke Ukraine bermula Ahad juga menyeru ahli perniagaan Malaysia dan Ukraine untuk mempromosi syarikat dan produk masing-masing melalui penyertaan dalam pesta dan pameran perdagangan dan juga bertukar idea melalui dialog dan seminar.

Dr Mahathir merupakan pemimpin pertama Malaysia untuk melawat bekas republik Soviet itu sejak hubungan diplomatik diwujudkan antara kedua-dua negara pada Mac 1991.

Ukraine, yang terletak di tenggara benua Eropah Tengah merupakan negara terbesar selepas Rusia di timur Eropah meliputi kawasan seluas 600,000 kilometer persegi. Ia disempadani Laut Hitam, Belarus, Hungary, Moldova, Poland, Romania, Rusia dan Slovakia.

Perdana Menteri juga menyampaikan penghargaan Malaysia kepada Ukraine kerana membuka peluang akademik kepada penuntut Malaysia melanjutkan pengajian mereka dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

Di Crimea sahaja terdapat lebih daripada 500 penuntut perubatan.

"Penuntut dari Ukraine juga dijemput melanjutkan pengajian mereka di Malaysia memandangkan ia menawarkan kursus menarik yang boleh membawa persefahaman lebih baik akan budaya dan agama yang berbeza," katanya.

Mengenai lawatannya ke Ukraine, Dr Mahathir berkata ia bukti kekuatan hubungan Malaysia-Ukraine yang dicirikan oleh kemesraan dan persahabatan sejak hubungan diplomatik diwujudkan pada 1991.

"Hubungan dua hala kita adalah berdasarkan kepada saling penghormatan dan persefahaman yang menyaksikan kemajuan yang memberangsangkan sejak penubuhan kedutaan Ukraine di Kuala Lumpur," katanya.

Dr Mahathir berkata kekuatan Ukraine adalah pada rakyatnya yang mempunyai kemahiran, bakat dan sumber dalam bidang sains, perubatan dan teknologi ruang angkasa.

"Ukraine boleh berbangga kerana telah berjaya membebaskan diri daripada belunggu komunis dan mengamalkan sistem pasaran bebas demokratik. Lualan ke pembangunan ekonomi bukan mudah tetapi anda telah berusaha gigih untuk memperkenalkan pembaharuan," katanya.

-- BERNAMA

MKO HS PR